

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Pahang**

PEMAKLUMAN MENGENAI KESEDIAAN BIL SAP TM PERKHIDMATAN *MANAGED VOICE* UNTUK DIBAYAR MELALUI SISTEM BAYARAN PUKAL

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan rujukan emel BPOPP/SPO (Emel)/2025 (176) bertarikh 20 Jun 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak TM kini bersedia untuk menerima bayaran melalui Sistem Bayaran Pukal bagi bil SAP berkuatkuasa mulai bil bulan Jun 2025. Proses pengujian bagi perkara ini telah berjaya dilaksanakan dengan pihak Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) pada 13 Mei 2025.

3. Sehubungan itu, bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang mempunyai **Bil SAP TM** hendaklah mengambil tindakan sewajarnya dengan **mewujudkan akaun pukal bagi Bil SAP tersebut** agar proses bayaran melalui Sistem Bayaran Pukal berjalan lancar. Perincian maklumat berkaitan Bil SAP TM adalah seperti pada paparan berikut:

KEKERAPAN BIL	Bulanan
CAJ PENGEBILAN	Bil bagi perkhidmatan telekomunikasi yang menggunakan produk TM <i>Managed Voice</i> termasuk sewaan peralatan telekomunikasi TM bagi perkhidmatan tersebut.
FORMAT NOMBOR AKAUN	12 digit dan bermula dengan 000 (contoh: 000123456789)

4. Bagi pelaksanaan pewujudan akaun pukal tersebut, PTJ hendaklah mematuhi dan tertakluk kepada perincian seperti berikut:

- i. **Hanya bil mulai bulan Jun 2025 sahaja yang dibenarkan untuk pembayaran melalui Sistem Bayaran Pukal;**
- ii. **Bil selain daripada bulan Jun 2025 hendaklah dibayar melalui Arahan Pembayaran; dan**
- iii. **Bagi bil yang masih mempunyai tunggakan, PTJ tidak dibenarkan untuk mewujudkan akaun pukal sehingga bayaran tunggakan tersebut diselesaikan sepenuhnya.**

5. Untuk makluman **tiada caj lewat yang boleh dikenakan terhadap Kerajaan**. Sehubungan itu, mohon kerjasama PTJ untuk menyemak invois terlebih dahulu sebelum pembayaran dilaksanakan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan melalui e-mel timpukal@tm.com.my atau menghubungi pegawai-pegawai TM berikut:

- i. Nama : Puan Ani binti Fuad
No. Telefon : 013-3437261
Alamat e-mel : anifuad@tm.com.my
- ii. Nama : Puan Rabi'Atul Adawiah Binti Ab Halim
No. Telefon : 013-3882283
Alamat e-mel : rabiatul@tm.com.my

6. Justeru, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan agar mematuhi arahan dan peraturan berkuatkuasa amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
SEKSYEN OPERASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PAHANG**

4 JULAI 2025